

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

HSM 411 & HSM 412 - Dokumen-Dokumen dalam Sejarah
Malaysia

Tarikh: 5 November 1987

Masa: 2.15 ptg. - 5.15 ptg.
(3 jam)

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH(7) SOALAN.
Jawab TIGA(3) soalan, termasuk SATU(1) soalan daripada setiap
Bahagian A, B dan C.

BAHAGIAN A

1. (a) Berasaskan dokumen A1, apakah yang anda faham mengenai peratoran jual-beli tanah di zaman masyarakat Melayu tradisional?
(b) Berasaskan dokumen A2, apakah kedudukan seorang hamba yang ditebus dengan tuannya yang baru?
2. (a) Daripada dokumen B, apakah rintangan-rintangan yang dihadapi oleh petani-petani di Kuala Selangor di dalam penanaman padi mereka?
(b) Apakah langkah-langkah kerajaan untuk membantu penanaman padi?

BAHAGIAN B

3. (a) Nilaikan sifat-sifat pensejarahan Melayu tradisional yang terdapat dalam petikan-petikan (Dokumen C1, C2 dan C3) daripada Sejarah Melayu, Tuhfat-al-Nafis dan Misa Melayu.
(b) Dengan merujuk kepada petikan-petikan daripada Tuhfat-al-Nafis (Dokumen D1 dan D2) ulaskan objektiviti pengarang Raja Ali Haji mengenai (i) kemangkatan Sultan Mahmud dan (ii) Raja Kecil, dan berikan pendapat-pendapat sama ada anda percaya bahawa Raja Kecil adalah anak Sultan Mahmud atau tidak.

4. (a) Ulaskan pendapat-pendapat rencana Chung Hua Sang Pao mengenai mengapa "girl cashiers" di kedai-kedai kopi adalah pelacur-pelacur berdiam-diam. (Dokumen E1)
- (b) Ulaskan pernyataan wakil Kerajaan Cina bahawa sistem Mui Tsai bukan merupakan "sistem perhambaan". (Dokumen E2)
- (c) Dengan merujuk kepada dokumen E3 berkenaan, bincangkan kedudukan wanita Melayu dalam bidang pendidikan di seluruh Semenanjung Tanah Melayu sehingga 1941.

BAHAGIAN C

5. (a) Apakah tujuan pihak majikan perusahaan getah yang menghantar surat memorandum kepada Gabenor Malayan Union? (Dokumen F)
- (b) Menurut pihak majikan, mogok-mogok buruh Cina dan India pada awal 1947 adalah tercetus oleh penghasut-penghasut politik dan unsur-unsur komunis. Sejauh manakah pendapat mereka membayangkan keadaan sebenarnya? (Dokumen F)
6. (a) Apakah perubahan-perubahan politik, sosial dan ekonomi semasa pendudukan Jepun yang membawa kesan mendalam kepada penduduk-penduduk tempatan di Malaya?
- (b) Sejauh manakah dasar Jepun terhadap masyarakat Melayu (termasuk kaum atasan dan kebanyakan) berbeza daripada pemerintahan Inggeris? (Dokumen G)
7. (a) Apakah sebabnya bangsa Melayu tidak menerima "Malayan" sebagai identiti kebangsaan pada masa krisis Malayan Union?
- (b) Setakat manakah keputusan UMNO untuk mengekalkan kedudukan Raja-Raja Melayu mempertahankan kedudukan orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu semasa krisis Malayan Union (Dokumen H)

-ooo000ooo-

DOKUMEN A1

31.1 Fasal yang ketiga puluh esa pada menyatakan hukum berjual tanah itu, masuk kayu-kayuan di dalam tanah itu melainkan huma akan berjual, jikalau tiada disebutkan. Jikalau ada yang diketam berulang-ulang seperti padi: pertama yang diketamnya itu akan berjual empunya dia. Kemudian buahnya akan orang yang membeli beroleh dia melainkan berjanji istiadat janji.

Jikalau ada di dalam tanah yang dijual itu pohon kayu yang berbuah, tiada disebutkan buahnya itu; jikalau berputik, harganya itu akan yang membeli.

DOKUMEN A2

31.2 Bermula peri mengembalikan benda yang dibeli sebab ada 'aibnya itu daripada empunya; Yang membeli suatu benda, maka kelihatan atas benda itu dengan tiada <'udhur>, tiada harus dikembalikan. Apabila kelihatannya dikembalikan.

Segala yang tahunya diperajarainya seperti tahu menyuji atau menyirat, maka tiada dipintai oleh tuannya yang menebus itu; "Olehku mengajar dia, marikan aku haknya."

Bermula jikalau hamba yang ditebusnya itu bunting pada yang menebus atau beranak, maka anaknya itu akan orang yang menebus empunya dia, tiada dikembalikan anaknya itu pada tuannya lama. Bermula hamba yang ditebus seperti ada penyakit yang 'aib iaitu harus dikembalikan seperti orang yang pelari dan pemukah dan pencuri dan gila atau hamba itu bersuami atau ia sopak atau kedal atau 'aib yang terbunyi, kemudian maka diketahui dan kelihatan, berapa lamanya pun dapat dikembalikan.

.../DOKUMEN B

DOKUMEN B

Dokumen ini merupakan dari sebahagian dari minit mesyuarat yang ke-17 oleh perwakilan pengunjung dari Jawatankuasa Penanaman Padi yang telah diadakan pada hari Khamis, 16hb Oktober 1930 di Kuala Selangor.

The Chairman enquired if padi was exported.

Mr. Newbolt mentioned that padi was exported to Port Swettenham and Penang from Sabak Bernam, but could not say how much.

The Chairman asked if any irrigation work had been done.

Dr. Jack mentioned that there was a bund made by the cultivators themselves and that they depended entirely on rainfall and that padi was cultivated permanently in that area.

Mr. Doscas said that, though he had not been to the place, he knew that water supply was dependent on rainfall and the Malay bund. No irrigation works had been carried out by Government.

Honourable Mr. Haynes asked if the area planted in padi fluctuated with the price of rubber.

Mr. Newbolt did not think so as there was no rubber land worth considering.

Dr. Jack asked if the Sungai Bernam area was subject to flooding with sea water.

Mr. Laurie answered in the affirmative.

The chairman remarked that it was an area worth investigating by providing drainage or facilities for irrigation or both.

Dr. Jack - "It was suggested sometime back that it should be irrigated from the S. Bernam."

Mr. Doscas pointed out that there was a big drain at the 32nd mile constructed probably with a view to keeping the sale water out.

Mr. Laurie said that he thought the natives were not keen on the area because water gates were not sufficient, bunds were not maintained and considerable damage was done by rats, besides there was no easy access to the place.

Mr. Maxwell enquired who was in charge of the gates.

.../ii

Mr. Laurie replied that the Public Works Department was in charge. He added that as the previous water-gate had been washed away, a new site beyond S. Ayer Tawar had to be found.

The chairman asked if the construction of a road was contemplated. Mr. Laurie mentioned that at present there was only a path and to make a road would be an important step towards improving cultivation there.

Mr. Maxwell enquired about the upkeep by the Public Works Department. He added that there was an Overseer and a Sub-Overseer to supervise and they had been so stationed that 15 miles of work had to be supervised from one side and the remaining 25 miles from the other side.

.../DOKUMEN C1

Bi-smi'llahi'r-rahmani'r-rahim

AL-HAMDU li'llahi'l-ladzi la ilaha illa huwa, wa kana fi'l-azali wa la shay'a ma'ahu. Segala puji-pujian bagi Allah Tuhan yang tiada Tuhan hanya Ia, dan adalah Ia pada azal, tiada sesuatu juapun sertaNya. Wa huwa 'l-abadyyu 'l-sarmadiyyu wa la shay'a ba'dahu. *Thumma khalaqa 'l-khalai'qa wa la hajata lahu.* Dan ialah Tuhan yang abadi, lagi senantiasa adanya, dan tiada suatu juapun kemudianNya; maka dijadiakannya segala makhluk, dan tiada hajat bagiNya. *Wa lamma arada izhara rub-biyyatini fa-khalaqa nura habibi; wa min dzalika 'l-nuri khalaqa 'l-anbiya's wa fara'a rubbatahu.* Maka tatkala Ia hendak menyatakan ketahuannya, maka dijadiakannya nur kekasihNya, dan daripada nur itulah dijadikan segala anbiak, dan diperangkatnya martabatnya. *Wa stafa minhum Adama li-yuzhira nura-hu; faldzalika sajada 'l-mala'ikatu kul-luhum lahu.* Daripada anbiak itu Nabi Allah Adam supaya menyatakan nur kasihnya; maka dari kerana itulah sujud sekalian malaikat akan dia. *Wa akhrajahu mina 'l-jannati kana fihii hikmatahu, wa tafaddala, 'alayhi bi 'l-rubati 'l-'ulya, fa-sara fi'l-'ardi khalifatahu.* Dan dikeluarkannya ia dari dalam syurga; adalah dalamnya hikmatnya, dan dianugerahinya akan dia martabat yang tinggi, maka jadalah ia akan khalifahnya di bumi. *Subhana 'ladzi tafar-rada bi 'l-uluhiyyati, wa la sharika lahu; wa yufni 'l-khalai'qa ba'da khalqihii, thumma yu'iduhu.* Maha suci bagi Allah yang tinggi ketuhanannya dan tiada sekutu baginya, dan lagi akan difanaknya segala makhluk, kemudian dijadiakannya; maka dikembalikannya pula. *Ashhadu al la ilaha illa 'llahu wahdahu la sharika lahu; wa ashadu arna Muhammadan 'abduhu was rasuluhu.* Naik saksi akan bahwasanya tiada Tuhan hanya Allah, esa Ia, dan tiada sekutu bagiNya. Bahwasanya nabi Muhammad itu hambaNya lagi pesuruhNya. *Allahum-ma salii wa sallim 'ala sayyidina Muhammadin sahibi Liwa'i 'l-Hamdi wa maqami 'l-mahmud; wa'ala alihi wa ashabihi 'l-fa'izina bihi bi-badhli 'l-majhudi li-naili 'l-ma'sud.* Ya Tuhanku, anugerahi kiranya rahmat dan sejahtera akan penghulu kami Muhammad, yang mempunyai liwai al-hamdu, dan yang mempunyai syafaat dan rahmat Allah dan selamat atas segala sahabatnya yang berbahagia, dengan membanyakkan sehabis-habis kuasanya pada menghasilkan maksudnya, yaitu pada keredaan Allah taala.

~~Wa bukduhu, adapun kemudiandari-itu-telah-berkata-fakir-yang-jasaf~~
akan lemah keadaan: dirinya dan singkat pengetahuan ilmunya; dan pada suatu masa bahwa fakir duduk pada suatu majlis dengan orang besar-besar bersenda gurau. Pada antara itu ada seorang orang besar, terlebih mulianya dan terlebih besar martabatnya daripada yang lain, maka berkata ia kepada fakir, 'Hamba dengar ada hikayat Melayu dibawa oleh orang dari Goa; barang kita perbaiki kiranya dengan istiadatnya, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, dan boleh diingatkannya oleh segala mereka itu, syahdan adalah beroleh faedah ia daripadanya.'

Setelah fakir mendengar demikian, jadi beratlah atas anggota *faqir alladzi huwa murakkabun 'ala 'l-fajhil* Tun Muhammad namanya, Tun Seri Lanang timang-timangannya, Paduka Raja gelarannya Bendahara, anak Orang Kaya Paduka Raja, cucu Bendahara Seri Maharaja, cicit Bendahara Tun Nara Wangsa, piut Bendahara Seri Maharaja anak Seri Nara Diraja Tun Ali, anak baginda Mani Purindan, *qaddasa 'llahu Sir-ratum*, Melayu bangsanya dari Bukit Siguntang Mahameru, Malakat negerinya, Batu Sawar dari *'l-salarn*. Demikian katanya: 'Tatkala hijratu *'L-nabiyyi salla 'llahu 'alayhi wa sallama*, seribu dua puluh satu tahun, kepada tahun *Dal*, pada duabelas haribulan Rabbiul-Awwal, kepada hari Khamis, waktu *'adduha*, pada ketika Syamsu, pada zaman kerajaan marhum yang mangkat di Aceh, *Sultan 'Ala'u 'd-din Ri'ayah Shah zillu 'lahi fi'l-'alam*, anak *Sultani 'l-qialli 'Abd il-Jalil Shah, akhi Sultan Muzaffar Shah, ibni 'l-Sultan 'Ala'i 'l-din Ri'ayah Shah, ibni 'l-Sultan Mahmud Syah*, cucu Sultan Alauddin Syah, cicit Sultan Mansor Syah, piut Sultan Muzaffar Syah, anak Sultan Muhammad Syah al-marhum, *khallada 'llahu mulkahu wa sultanahu, wa abbada 'adlahu wa ihsanahu.* Sedang baginda bernegeri di Pasai, dewasa itulah datang Raja Dewa Said kepada hamba Seri Nara Wangsa yang bernama Tun Bambang, anak Seri Akar Raja Petani, menjunjungkan titah Yang Dipertuan di Hilir, *Sultan 'Abdullah Ma'ayah Shah, ibni 'l-Sultani 'l-qialla 'Abdi 'l-Jalil Syah: fa-innahu sharafu 'l-makani wa 'l-zaman*. Maka ia sesungguhnya kemuliaan tempat dan zaman. *Wa zinatunmajalisa ahli 'l-iman*; dan ia perhiasan segala kedudukan orang yang beriman; *Wa nuru madarija 'l-ta'ati wa 'l-ihsan*, dan ia menerangi segala pangkat taat dan kebajikan, *Zayyadhu 'llahu 'l-fadla wa il-imnan*, dan ditambahi Allah taala kiranya ia kemu-rahan dan kelebihan; *wa abbada 'adlahu fi sa'iri 'l-buldan*, dan dikekalkan Allah kiranya ia dengan adunya pada segala negeri.

*Demikian bunyi titah yang mala mutia itu, Baiwa beta minta per-
 buatkan hikayat pada Bendahara, peri peristiwa dan peraturan segala
 raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali, supaya diketahui oleh segala
 anak cucu kita yang kemudian daripada kita, ditingkatkannya oleh me-
 reka itu, syahdan beroleh faedahlah ia daripadanya.*

*Setelah faqir alladzi huwa murakabun 'ala 'l-jahli, maka fakir per-
 kejutlah diri fakir pada mengusahakan dia; syahdan memohonkan taufik
 ke hadzirat Tuhan suni 'l-'alam, dan minta harap kepada nabi sayyidi
 'l-'aman, dan minta ampun kepada sahabat yang akram. Maka fakir ka-
 ranglah hikayat ini *Kama sami'uhu min jaddi wa abi*, supaya akan
 menyukakan duli hadzirat baginda. Maka fakir namal hikayat itu *Sula-
 latu 'l-Salatin*, yakni peraturan segala raja-raja. *Hadzihid dururu 'l-lakhdar
 wa ghururu 'l-amthal*, inilah mutia segala cetera dan cahaya segala peri
 umpamaan. Maka barangsiapa membaca dia jangan dibicarakan dengan
 sempurna bicara; kerana hikayat ini tahu kamu akan perkataan sabda
*Nabi salla 'lalu 'alayhi wa sallam, Tafakkaru fi ala 'l-'ilah, wa la tafak-
 karu fi dzati 'l-'ilah*; yakni bicarakan olehmu pada segala kebesaran Allah,
 dan jangan kamu fiktikan pada dzat Allah.*

BAHAGIAN SATU

1

Raja-raja Melayu Pertama dan Silsilah Melayu

Bi-'smi'llahi'r-rahmani'r-rahim. Maka pada ketika di dalam Hijrat *al-Nabi salla Allahu 'alaihi wasallam* seribu dua ratus delapan puluh dua tahun dan pada tiga hari bulan Syaaban yang maha besar dan berbangkitlah hatiku bahawa membuat kitab ini yang simpan, dan di dalamnya menyatakan silsilah dan petjalanan dan tawarikh dan segala khabar-khabar daripada kisah Raja-raja Melayu serta Bugis dan kepada segala anak-anak mereka itu. Dan aku namai akan dia 'Tuhfat al-Nafis' pada menyatakan kelakuan daripada Raja-raja Melayu serta Bugis. Padahal mengharapkan aku akan Allah yang mengampuni daripada tersalah pada segala tawarikh dan pada petjalanannya. Ya Tuhanku, perkenankan oleh-Mu akan pinta hamba-Mu intihia.

Al-bab al-awwal fi silsilatihim. Bermula fasal yang pertama pada menyatakan keturunan raja-raja sebelah Melayu dengan diringkaskan perkataannya. Maka adalah dimulai di sini daripada seorang Raja Melayu yang asal yang bernama Raja Seri Teri Buana. Ialah raja asal Raja Melayu yang turun daripada Bukit Siguntang lalu ke Palembang, kemudian lalu ke Bentan, kemudian kerajaannya ia di Singapura. Syahadan berpanjang-anlah hikayatnya itu di dalam sejarah dan siarah Melayu, akan tetapi pada kitab ini bukannya maksudku akan memperbuat cetera yang panjang-panjang itu, kerana ceteranya yang panjang sudah ada beberapa banyak karangan-karangan orang yang dahulu-dahulu daripada aku, dengan kitab ada yang disurat dengan tangan ada yang dicetak dengan suratan *taba'*.

Adapun yang aku perbuat ini sekadarkan hendak menyatakan peraturan yang jatuh pada petjalanan antara petjalanan Raja-raja Melayu dengan Raja-raja Bugis, tatkala pada masa raja-raja sebelah Johor dengan raja-raja sebelah Bugis dan raja-raja sebelah Pulau Perca, supaya mengetahui jalan dan sebab bercampuran nasab setengah atas setengahnya, dengan perkataan dan karangan yang kemas supaya mudah mehafalkan dan memahamkan barangsiapa berkehendak memahamkan dia.

Sebermula adalah Raja Seri Teri Buana itu kerajaan di Singapura. Adalah menteriya bernama Demang Lebar Daun yang datang bersama-sama dengan dia dari Palembang. Adalah Demang Lebar Daun itu Raja Palembang jadi mertua kepada Raja Seri Teri Buana itu. Adapun Wan Seri Beni itu mak angkat oleh Raja Seri Teri Buana, iaitu raja perempuan di negeri Bentan. Apabila Raja Seri Teri Buana itu membuat negeri di Singapura, maka Wan Seri Beni itupun pindahlah ke Singapura. Adalah nama Singapura itu mula-mulanya Temasik. Kemudian pada waktu Raja Seri Teri Buana itu menebas Temasik itu maka lalu seekor binatang bernama singa, maka sebentar ia hilang. Maka jadilah digelar oleh raja itu negeri Singapura-pura, demikianlah kisahnya di dalam hikayat yang panjang.

Syahadan kata sahibul hikayat maka tiada berapa lamanya Raja Seri Teri Buana itu kerajaan di Singapura maka hilanglah Wan Seri Beni itu dan Demang Lebar Daun dan menteri Ria Buah Pala pun hilanglah meninggalkan negeri dunia. Maka ada kira-kira dua tahun lamanya antara itu maka baginda Seri Teri Buana pun mangkatlah pula. Maka ditanamkan orang di Bukit Singapura itu tiada berapa jauhnya dengan kubur Wan Seri Beni.

Syahadan apabila sudah hilang Raja Seri Teri Buana itu maka menggantikan kerajaannya dengan puteranya yang bernama Seri Pikrama Wira dan Raja Pikrama Wira itu ada pula menaruh saudaranya seorang bernama Raja Kecil Muda. Maka dijadiakannya menteri yang besar digelarnya bendahara, bergelar Tun Permatah Muka Berjajar. Maka ialah raja yang mula-mula membuat bendahara yang memerintahkan segala

menteri-menteri yang di bawah takhta kerajaannya. Syahadan apabila mangkatlah Raja Pikrama Wira itu maka menggantikan kerajaannya, iaitu puteranya yang bernama Raja Muda bergelar Seri Rama Wikrama. Adapun bendaharaya anak Tun Permatas Muka Berjajar, dan masa kerajaannya ialah mendapat seorang daripada rakyatnya yang gagah perkasa bernama si Badang yang boleh mencabut kayu-kayu dua tiga pemeluk, sebab ia makan muntah hantu konon.

Syahadan apabila mangkatlah Seri Ratna Wikrama itu maka menggantikan pula akan kerajaannya puteranya yang bernama Daniya Raja, yang bergelar di dalam kerajaannya Paduka Seri Maharaja. Kata yang empunya cetera pada masa kerajaan Paduka Seri Maharaja inilah, negeri Singapura itu keturunan bala dilanggar oleh ikan todak sebab kerana raja itu membunuh satu ulama-aulia Allah namanya Tuan Zainul Khatib. Maka apabila mati ulama itu maka bala daripada Allah *subhanahu wataala* pun turuntlah, iaitu ikan todak datang dari laut menkam manusia. Beberapa manusia yang mati terbunuh oleh ikan todak itu pada masa itu, dan berpanjanglah hikayatnya itu pada siarah yang panjang adanya.

Syahadan apabila mangkatlah Paduka Seri Maharaja itu, maka menggantikan kerajaannya puteranya yang bernama Raja Iskandar Syah, dan Raja Iskandar Syah inilah negeri Singapura dialahkan oleh Raja Manjapahit. Adalah sebabnya itu Raja Iskandar Syah itu ada menaruh seorang gundiknya daripada anak menterinya yang bernama Sang Rajuna Tapa, yang bergelar Penghulu Bendahari. Maka difimahkan oleh seorang daripada gundiknya jua mengatakan gundik baginda anak Penghulu Bendahari bermukah dengan seorang laki-laki. Maka murkalah Raja Iskandar Syah akan gundiknya anak Penghulu Bendahari itu, lalu disuruhkannya seorang membunuhnya. Kemudian disuruhkannya pula pancungkan di Hujung Pasir, padahal pekerjanya itu tiada dengan usul periksa lagi.

Syahadan maka apabila bapanya tahu akan hal anaknya, diperbuat yang demikian itu maka malulah ia seraya katanya, 'jikalau sunggupun dosanya, bunuhlah dengan bersem-

DOKUMEN C3

yang berputerakan Raja Radin dan Raja Galoh dan Raja Inu dan Raja Abdu'l-Jalil dan Raja Puteh dan Raja Daha dan Raja Bisnu dan Raja Siti dan Raja Hamid dan Raja Su. Sa-telah itu, maka Marhum Besar tiada berputera hingga sa-ratus dua-puluh tahun umur baginda di-atas takhta. kerajaan, gelar baginda Sultan Mahmud Shah. Maka baginda itu pun mangkat.

Ada pun adinda baginda Yang di-Pertuan Muda sudah dahulu mangkat daripada kakanda baginda. Maka Raja Radin-lah kerajaan, gelar baginda di-atas takhta kerajaan itu Sultan Ala'u'd-din Riayat Shah dan seri paduka adinda baginda Raja Inu menjadi Raja Muda: — dan ada pun akan Raja Inu sudah di-rajakan oleh ayahanda baginda Al-Marhum Besar di-negeri Bernam.

Sa-telah itu, maka sampai dua-puluh tahun Sultan Ala'u'd-din kerajaan, maka baginda pun mangkat. Maka oleh Raja Muda di-ambil-nya kakanda baginda yang kerajaan di-Bernam itu pula; maka di-rajakan di-Perak akan ganti Sultan Ala'u'd-din yang sudah mangkat itu, di-panggil orang Marhum Sulong: maka berapa lama-nya kerajaan di-dalam negeri Perak ini, gelaran-nya baginda itu sedang takkala di-atas takhta kerajaan Sultan Mudzafar Shah. Maka bebberapa lama-nya baginda itu kerajaan di-Berahman Indera datang-lah takdir Allah ta'ala huru-hara di-dalam negeri Perak ini dan di-atas baginda itu. Maka baginda pun berangkat mudek ka-Kuala Kangsar berbuat istana lengkap dengan kota parit-nya. Maka adinda baginda Raja Muda-lah kerajaan di-Pulau Tiga gelar baginda itu Sultan Muham-mad Shah. Ada pun putera baginda itu delapan orang, lima orang laki-laki dan tiga orang perempuan; maka yang laki-laki itu, pertama-tama Raja Iskandar dan Raja Kimas dan Raja Ala'u'd-din dan Raja Inu dan Raja Kechil Bongsu. Maka Raja Iskandar itu-lah yang bergelar Raja akan memrentahkan kerajaan seri paduka ayahanda baginda Sultan

MISA MELAYU

citra

HIKAYAT RAJA KA-LAUT**Bismi 'llahi r'-rahmani r'-rahimi.**

Wa-bihi nasta'inu bi'llahi 'ala 'l-kesab. Maka ini-lah hikayat yang kemudian daripada zaman as-Sultan Iskandar Shah Khalifatu'r-Rahman johan berdaulat dzillu 'llahi fi'l-alami. Ada pun asal-nya raja itu di-cheritakan oleh orang yang empunya cerita dahulu kala daripada hijrah Raja Iskandar Dzu'l-Karnain yang menjalani daripada matahari masuk ka-matahari naik dan nasab-nya* daripada Raja Nushirwan 'Adil, chuchu chichit daripada Raja Suran yang turun ka-dalam laut jatoh ka-negeri Raja Fatihu'l-ardzi. Maka anak putera-nya tajalli* di-bukit Si-Guntang Mahabiru. Maka lalu turun-temurun-lah ganti-berganti Khalifatu'llah dengan bebberapa julat* sudah dahulu daripada zaman ini, maka sampai-lah sekarang.

Ada pun pada zaman raja-raja ini di-dalam negeri Perak daru'l-ridzwan* pertama Al-Marhum Jalilu'llah. Maka Al-Marhum itu berputerakan Marhum Besar dan Marhum mangkat di-Pulau Tiga dan Shah Alam Muda dan Shah Alam Bongsu mangkat di-Sayong, lain-lain bonda; Al-Marhum mangkat di-Bidara sa-orang, Raja Mudzafar Shah sa-orang lain pula bonda-nya. Maka sudah mangkat Al-Marhum Jalilu'llah, maka putera baginda Marhum Besar kerajaan; dan adinda baginda yang muda (Mangkat di-Pulau Tiga) menjadi Duli Yang di-Pertuan Muda. Maka baginda itu-lah

1 Mahameru (naskah B) saperti tersebut dalam Sejarah Melayu.

* Lihat daftar perkataan-perkataan di-muka surat 197. 199. 202. 205.

Muhammad Shah, ia-lah yang di-turuti segala orang besar dan ia-lah ikutan segala anak raja-raja yang di-dalam negeri Perak, dan ia-lah yang di-kasehi dan yang di-takuti oleh segala hulubalang ra'ayat sakalian dan negeri gemar dan kaseh akan Raja Muda itu. Maka termashor-lah nama baginda itu kepada segala desa yang lain-lain. Shahadan baginda itu-lah yang bertuah lagi berdaulat dan arif bijak-sana bangsawan lagi dermawan pada barang segala bichara dan perintah hukum Allah dan hukum istiadat negeri memeliharkan segala ra'ayat. Maka beberapa kali di-datangi segala bahaya musuh dan seteru, maka dengan berkat tuah istimewa pula dengan daulat baginda dan baik akal bicharanya tiada-lah di-biari Allah ta'ala sampai kapada-nya segala mara bahaya itu, ada-nya. Maka segala anak raja-raja di-dalam negeri Perak dan segala paduka adinda baginda itu semua-nya di-bawah takhta kerajaan Raja Muda dan mengikut segala bichara seri paduka kakanda itu.

Dan ada pun akan iseri Raja Kimas itu putera Al-Marhum Sulong, bergelar Raja Kechil Muda, berputera dua orang sa-orang perempuan dan sa-orang laki-laki bernama Raja Ibrahim; maka bonda-nya pun mangkat.

Sa-telah itu, maka tersebut-lah pula perkataan Sultan Mudzafar Shah duduk di-Kuala Kangsar itu; kerajaan baginda lengkap dengan segala orang besar-besar-nya. Ada pun takkala itu Bendahara-nya Raja Alang putera Raja Kedah, dan Orang Kaya Besar-nya Megat Pintal, Temenggong-nya Megat Mutabar dan Menteri-nya Pakih Yusuf. Sa-telah itu, maka segala ra'ayat yang sa-kerat rantau hulu, sa-hingga Pachat ka-hulu, kepada Sultan Mudzafar Shah kerajaan sakalian-nya itu. Maka sa-hingga Pachat ka-hilir kepada Sultan Muhammad Shah kerajaan sakalian-nya itu.

Ada pun Sultan Mudzafar Shah itu beristeri akan putera Raja Mudzafar; maka ia-itu-lah yang menjadi Raja Perempuan. Maka ada-lah putera Sultan Mudzafar Shah itu sa-

Maka apabila selesai baharulah rebah zakar baginda itu. Maka Encik Pong pun buntinglah konon. Dan tersebut di dalam sejarah yang lain pula pada pihak Trengganu, adalah Encik Pong itu dipakai oleh baginda sudah bunting memang konon.

Waktu baginda mangkat orang-orang tengah bergaduh-gaduhkan hal baginda itu. Maka Encik Pong pun dilarikan oleh seorang yang bernama Panglima Bebas, dibawanya ke Pagar Ruyung kepada Puteri Janilan lalu Encik Pong itu ber-anak laki-laki. Maka diambil oleh Puteri Janilan dibuatnya anak angkat. Apabila ia telah besar dilepaskannya ia mengembara ke Palembang dan ke Johor dan ke Bangka Kota dan ke Siantan dan ke Batu Bahara dan ke Siak di Bukit Batu dan berniaga ke Melaka dan lainnya pada tempat. Waktu ia mengembara itu bernama Tun Bujang, dan waktu di Pagar Ruyung jadi anak angkat Puteri Janilan, dipanggil Puteri Janilan, si Buyung. Tatkala ia telah balik dari mengembara itu digelar pula oleh Puteri Janilan, Raja Beralih.

Kemudian akhir-akhirnya konon dipukulkan nobat oleh Puteri Janilan serta Yam Tuan Sakti, disuruh bersandar di tiang jelatang diletakkan mahkota pada kepalanya, tiadalah satu apa konon, itulah ujiannya yang sah anak Marhum Mangkat Dijulang konon. Maka lalulah diberi nama pula oleh Yam Tuan Sakti, Raja Kecil, lalu disuruhnya turun ke Pasisiran Laut pihak Bengkalis dan Bukit Batu, serta diberinya pedang kebesaran yang bernama 'Sapu Rajab' serta diberinya pula satu cap di dalam itu sahlah anak Marhum Mangkat Dijulang konon. Maka mengikutlah segala orang Minangkabau Pasisiran Laut itu seperti Bengkalis, dan Siak, dan Batu Bahara dan lainnya. Maka mendapatlah ia kuasa baharulah ia melanggar Johor, seperti yang akan datang ceteranya itu pada bab yang kedua bicara siarah Raja-raja Melayu Johor dan Siak dan Bugis.

Syahadan Yang Dipertuan Raja Kecil inilah kerajaan di negeri Siak dan adalah ia dua orang anak laki-laki, yang tuanya bernama Raja Alam, ibunya anak Dipati Batu Kucing. Tatkala ia mengembara mendapatlah ia anak yang bernama Raja Alam itu, setengah sejarah namanya Raja Rabbiul Alam. Kedua

2

Raja-raja Siak dan Silsilah Mereka

Fasal pada menyatakan silsilah Raja Melayu yang di sebelah Pulau Siak.

Bermula adalah Raja Melayu yang di sebelah Siak pada masa Marhum Abdul Jalil Raja Johor yang keturunan daripada Bendahara Tun Habib itu, maka iaitu mula-mulanya bernama Raja Kecil yang gelaran daripada Pagar Ruyung Yang Dipertuan Raja Kecil. Maka Raja Kecil ini asal kejadiannya itu banyakkah ikhtilaf bersalahan-salahan setengah-tengah silsilah dan siarah. Adapun tersebut di dalam sejarah sebelah Siak asal Raja Kecil itu anak Marhum Mangkat Dijulang yang terbunuh di Kota Tinggi oleh Megat Seri Rama, maknya bernama Encik Pong anak Laksamana. Maka tatkala baginda itu hampir mangkat, maka Encik Pong itupun makan mani baginda itu konon, waktu baginda itu datang berahikan isterinya peri, maka terpancarlah mani baginda itu. Lalu disuruhnya makan kepada Encik Pong itu. Maka jadilah Encik Pong bunting konon.

Adalah setengah kaul sejarah mengatakan tatkala mangkat baginda itu zakarnya berdiri, maka tiada berani orang menanam baginda itu. Maka musyawarahlah segala orang besarnya apa sebab pekerjaan itu, sangat ajaib. Maka kata daripada isi istana adalah baginda itu tengah berahikan Encik Pong, maka baginda pun mangkat. Maka takbir segala orang besar-besar itu, baginda itu takut tiada meninggalkan anak cucu yang bangsa daripadanya. Maka disuruhkan orang besar-besar itu akan Encik Pong itu setubuh dengan baginda itu.

BAHAGIAN DUA

1

Kemangkatan Sultan Mahmud

Bermula bab yang kedua pada menyatakan perjalanan dan kelakuan segala raja-raja yang telah tersebut itu, atas jalan yang ringkas dan simpan, supaya mudah mehafalkan bagi orang berkehendak pada mehafalkan dia.

Sebermula adapun sebab kerajaan raja-raja Melaka itu berpindah kepada bendaharanya, maka iaitu demikianlah kisahnya. Kata sahibel hikayat adalah pada akhir-akhir keturunan daripada Raja Seri Teri Buana daripada raja-raja zaman Singapura dan Melaka dan Johor, adalah seorang Raja Johor bernama Sultan Mahmud. Adalah baginda itu berbinikan peri konon, iaitu bangsa daripada jin, jadi baginda itu tiadalah suka sekududukan dengan isterinya bangsa manusia ini. Maka pada satu masa baginda beradu maka datang orang persembahkan nangka masak. Maka ditaruhkan oleh penghulu istana itu kerana menantikan baginda itu jaga. Tiba-tiba datang bini Megat Seri Rama yang bunting mengidam hendak makan nangka, lalu dipintanya sehulas kepada penghulu istana itu. Maka penghulu istana mengambilkan sehulas diberikan kepada bini Megat Seri Rama itu, maka ia pun baliklah.

Maka apabila raja itu jaga hendak santaplah akan nangka itu, lalu dipersembahkan oleh penghulu istana itu kepada baginda, 'Ada yang tiada baik itu, patik berikan kepada bini Megat Seri Rama daripada terbuang sahaja'. Apabila ia mendengar maka baginda pun murkalah, lalu disuruhnya panggil bini Megat Seri Rama itu, dibelah perutnya, dikeluarkan anaknya dari dalam perutnya itu. Maka matilah bini Megat Seri Rama itu.

Maka apabila sampai khabar itu kepada suaminya Megat Seri Rama itu, maka ia pun menangis serta hilang akalunya, terbakar sebab marahnya. Lalu ia mendapatkan Datuk Bendahara, maka dipermaukumkanlah yang ia hendak membalas kematian isterinya itu, seraya katanya, 'jikalau datuk hendak menjadi raja, inilah ketikanya. Yang diperhamba hendak menderhakalah, tiada boleh tiada.' Syahadan adalah Megat Seri Rama itu satu hulubalang yang kebal, banyak anak buahnya, serta kuat kuasanya. Maka Datuk Bendahara pun musyawarahlah dengan saudaranya Temenggung dan Indera Bungsu, pada maksud Megat Seri Rama itu. Bersatulah sekalian mereka itu membenarkan Megat Seri Rama itu kerana segala orang besar-besar di dalam negeri itupun banyak juga yang suka akan Bendahara itu menjadi raja, kerana kata orang besar-besar itu, 'Baharu Megat Seri Rama kena begitu halnya, akhirnya kita semua pun nanti diperbuatnya begitu juga.' Maka tetaplah kemufakatan itu.

Syahadan maka adalah pada satu malam baginda itu berahikan isterinya peri itu, konon. Maka terpancarlah mahanimakannya ke tikar peraduan baginda itu. Maka lalu disuruhnya telan kepada gundiknya, anak Laksamana bernama Encik Pong. Maka Encik Pong buntinglah, konon.

Syahadan tentang pekerjaan ini ada tiga kaul bersalah-salahan seperti yang telah lalu sebutannya. Syahadan adalah yang tiada bercerai-cerai dengan baginda itu ada seorang hulubalang yang bernama Seri Bija Wangsa namanya. Maka hulubalang itu ditipu oleh Datuk Bendahara lalu disuruhnya bunuh. Maka matilah ia kerana jikalau ada hulubalang itu payahlah Megat Seri Rama melakukan kehendaknya. Syahadan adalah pada ketika baginda itu di atas julang hendak sembahyang jumaat, lalulah diparangnya hulu baginda itu lalulah mangkat, dan Megat Seri Rama pun mati juga, kerana dilontar oleh baginda itu dengan ketisnya.

Syahadan apabila baginda itu mangkat maka segala orang besar-besar negeri Johor pun mengangkatlah akan Datuk Bendahara menjadi Raja Johor. Adalah mangkatnya itu pada

Hijrat sanat 1111 pada bulan Safar, hari Jumat dan mengantikan kerajaannya Bendahara bin Bendahara Tun Habib, pada delapan harbulan Rabiul Awal, hari Khamis, waktu loha dan Raja Sulaman lahir ke dunia pun waktu itu.

Adapun Encik Pong yang bunting itu tiada berapa lamanya beranaklah laki-laki. Lalu dihantar oleh bapak Encik Pong itu, iaitu Laksamana, kepada raja negara dan kepada Temenggung Muar. Kemudian dibawanya pula baik ke Johor.

Kemudian apabila sudah besar anak Encik Pong itu lalu disuruhkan oleh Laksamana kepada Nakhoda Malim orang Pagar Ruyung berlayar ke Jambi, diberinya nama Tuan Bujang. Kemudian lalu dibawa oleh Nakhoda Malim itu ke Pagar Ruyung, disembarkannya kepada Raja Pagar Ruyung yang bernama Yamtuan Sakti. Adalah bonda baginda itu bernama Puteri Janjian. Maka dipelihara oleh Puteri itu, diperbuatnya anak angkat, diberinya nama si Buyung. Apabila telah akil baligh maka diberinya pula nama Raja Beralih. Syahadan tersebut di dalam sejarah dan siarah yang lain, takala sudah mangkat Marhum Mangkat Dijulang itu, maka Encik Pong itupun dilarikan oleh satu orang bernama Panglima Bebas, lalu dibawanya ke Pagar Ruyung, padahal Encik Pong itu di dalam bunting. Maka beranaklah ia di Pagar Ruyung. Adapun Encik Pong mengaku anaknya itu anak Marhum Mangkat Dijulang, sebab itulah Raja Pagar Ruyung itu memelihara akan dia dengan sebaik-baik peliharaan hingga sampai baligh. Syahadan adalah yang dua kaul itu entahkan yang mana-mana yang terlebih sahanya.

Sebermula adapun Sultan Abdul Jalil, apabila sudah tetap dia dalam kerajaan, maka saudaranya Temenggung itu dijadi-kannya Raja Muda. Adapun anaknya yang tua di dalam masa ia jadi Bendahara, dijadi-kannya Bendahara dan anaknya yang tengah dijadi-kannya Temenggung dan anaknya yang bungsu dijadi-kannya Raja Indera Bungsu. Syahadan tetapliah Sultan Abdul Jalil itu kerajaan di negeri Johor, dengan segala takluk daerahnya. Lalulah baginda itu berpindah ke Pancor pula berbuat negeri di situ, serta berbuat istana yang indah-indah, panjangnya tiga puluh depa, serta berukir berair emas bertulis,

atapnya papan, dinding bercat dan bertulis. Akhirnya istana itu terbakar. Kemudian baginda berpindah pula ke Riau, semayan di Riau. Itulah masanya baginda itu banyak seteru daripada Bugis dan Minangkabau dan Parani. Kemudian daripada itu Yang Dipertuan Muda pergi perang ke Batu Bahara, lalu ke Deli pada Hijrat sanat 1122. Kemudian perang pula Yang Dipertuan Muda ke Indera Giri, pada Hijrat sanat 1126. Kemudian berpindah pula ke Johor semula, ke negeri Makam Tawhid. Lalulah pula menyuruh Datuk Temenggung perang ke Linggi, iaitu pada Hijrat sanat 1128. Kemudian tetapliah kerajaan baginda itu, dengan segala Temenggung Bendaharanya, serta orang besar-besarnya. Maka ramailah negeri Johor itu serta masyhurlah adatnya yang halus-halus, apa lagi bahasanya. Syahadan lama kerajaan Sultan Abdul Jalil itu, iaitu dua puluh tahun. Adalah yang sentosa di dalam kerajaan sembilan belas tahun demikianlah adanya.

S.C.A. translation No. 88/31
Chung Hua Sang Pao of 8.5.31

A CLIMPSE OF THE COFFEE-SHOPS

Girl Cashiers at the Counters a Short-cut
to Prosperity in Business

Profits Increasing like the Rising Clouds
at Morn and the Rain in Spring

Is it legal for Girls to be Cashiers at
the Counters?

Dependent on their Fathers when at Home
and on the Husbands when married.

In this era when men form the nucleus of society, the majority of the weaker sex (whether educated otherwise) look to men for maintenance. When they are at home they depend on their fathers for support, when married on the husbands and after the death of their husbands on their sons. It is almost impossible to find girls earning their own living. As regards those foolish, uneducated girls, who look to men for support the moment they are born, it goes without saying that this is true. Even among the educated ones, there are only a very few who are willing to undergo the hardships of earning their own living. There may be a very small percentage, who, before their marriage would go out into the world to work, so as to help their fathers and elder brothers, or for the purpose of saving some money for the trousseau. But as soon as they are married, they would at once think of leading a life of ease and comfort. They think that it is the duty of men to support their wives. Otherwise she should not marry. Therefore most of them would forsake their former occupations and try to live like an official's wife, though they know very well that their husbands require their assistance in fighting for their daily bread.

Times have changed

Cannot live the life of ease.

More than half of the weaker sex look to men for support. But this dependent nature of theirs is often changed by their surroundings. Social revolutions, pecuniary difficulties force many thousands of women to go out into the world to fight for their own living and also to assist in maintaining the family. The educated ones usually become
.../ii

teachers or clerks in the commercial firms, or they would choose some professions which require less strain physically; while the uneducated ones would seek work in factories or during the time when prostitution was not prohibited, apply for licence to become prostitutes, and at the time when prostitution was prohibited, practise it on the sly, so as to get a living. That is why we see sly prostitutes so numerous in this town, in spite of the many arrests made. There are many reasons which account for this, but the chief reason is that they are forced to seek this sort of living by their daily bread problem.

Girls' three professions.

Those girls who are able to earn their own living nowadays may be divided into three classes;

1. Those who rely on their educational qualifications or vocational skill such as the teachers, the clerks and the doctors;
2. Those who depend on their physical energy such as the factory hands;
3. Those who trade on their beauty such as the licensed and unlicensed prostitutes and the so-called waitresses.

Now to which of the three classes do the girl cashiers in coffee-shops belong? Doubtless, they belong to the third class, because their object is to induce customers to the shops. They rely on the cleverness to get a full house every night, so that their proprietors may have a flourishing business and thus become rich.

Not unlike the Prostitutes.

b. Business and Industry. The Japanese have regulated business and industry in Malaya by a permit system, such as has been applied to most areas under their occupation. Permits from the Military Administration are necessary for a store, factory, or other business enterprise to reopen after Japanese occupation. Moreover, a permit has first to be secured in order to start operating any new enterprise, by raw materials, transport goods, and export or import supplies. The officials empowered to issue or withhold permits have always been Japanese. It is probable that great injustices have been done by them in return for personal favors, a part of the profits, or even a share in ownership; and Japanese and Japanese-speaking persons have undoubtedly been favored in the granting of business permits.

The expansion of Japanese economic control was easy because most of the property and businesses taken over by Japanese firms had belonged to British, American, and Dutch interests, and were so-called "enemy property", which has to be disposed of. The Chinese, too, had investments in mines, plantations, trading companes, etc., which were not insignificant inhabitants. Chinese suspected of loyalty to the Chungking Government were ruthlessly deprived of their properties and in many cases, of their lives. Those with lucrative business of whom no suspicion of political disloyalty could be pinned, suffered gradual encroachments from Japanese interests. But the majority of the local inhabitants had been the producers, retail dealers, and suppliers, and they continued in these roles of the Japanese firms.

c. Trade and Transport. Both external and internal trade and transport in Malaya have come to a virtual standstill since the Japanese occupation. Even Japanese firms desirous of overseas trading with Malaya have been unable to secure adequate shipping space and proper permits from the military authorities. During the first year of occupation exports went only to Japan. During the last year, however, the Japanese claim that exports have gone as well to Java, Sumatra and Burma. Malaya had made trade agreements to send petroleum and rubber to China in exchange for silk, textiles and medicines; and to Thailand in exchange for rice and medicinal herbs, but there is no evidence that these arrangements have been carried out.

The Japanese authorities have imposed further restrictions on trade and travel, not only between Malaya and adjacent countries, but also between the several Malay states. After the fall of Singapore, 15 February 1942, all travel was forbidden, and when limited travel was eventually permitted no person was allowed to take more than \$100 with him.

d. Labor. The labor programs of the Japanese are the product of an anomalous situation in Malaya. Following the fall of Singapore, and as a natural result of the war, there was sudden and widespread unemployment in Malaya.

However, in spite of this, the Japanese found it necessary to form a Labor Service Corps throughout all Malaya 20 December 1943. From every 250 inhabitants between the ages of 15 and 45 of the various provinces, twenty are selected to serve in the Labor Corps. A leader is appointed for each unit of the Corps, under the direct control of the Auxilliary Police. All members are paid for their work and receive badges for identification. The Labor Service Corps in Penang numbers 23,000 strong and is made up of 460 groups consisting of fifty members each, under a section chief.

e. Agriculture. The chief emphasis in the Japanese agricultural program for Malaya has undoubtedly been to increase the production of food crops in order to establish self-sufficiency in footstuffs. Japan, on taking over Malaya, was pressed for shipping facilities to maintain her widely dispersed outposts, yet Malaya, if it were to be fed adequately, must import nearly 70 percent of its rice and probably a higher percentage of its total food requirements. The only solution, and the one adopted by the Japanese, was to make the country as nearly self-supporting as possible. On taking stock, the Japanese found that their supplies were very low. They therefore placed immediate and severe restrictions on the use of the remaining rice and instituted a three year program to achieve self-sufficiency. This

.../v

program comprised the following main points: (1) further development of existing rice lands, aided by the introduction of Japanese agricultural experts and techniques, (2) introduction of new paddy strains, and (3) opening up new lands and releasing restricted land to non-Malays.

The obvious step, however, was to open up new lands not previously used as paddy fields. The Japanese claim to have constructed upland paddy terraces; to have converted former rubber estates and farm lands into paddy fields by cutting down the trees and building irrigation systems and even to have cleared wood lands for growing. Much labor was required to prepare and cultivate this new land and since Malays were apparently either uninterested or insufficient in numbers, the Japanese made arrangement to settle other people on the new plots. Much of the land thus developed had been restricted under British administration by Federal Enactments for Malays since immigrant non-Malays were acquiring more and more of the Malay land. The Japanese have ignored this legislation and established in many of the states farming colonies for groups of Chinese, Indians, Arabs, Eurasians and even Burmese. The majority of those participating in this new venture are Chinese who receive land allotments from the Japanese-sponsored Overseas Chinese Associations. Most of the colonies have been established in Johore, Negri Sembilan, Perak, Selangor, and the former Straits Settlement of Malacca and Province Wellesley. The Japanese promised to provide schools, churches, houses and roads; to loan equipment and seed against payment after the harvest and to supply buffaloes at nominal prices for cultivating.

The Indian Independence League (found in 1942) with its Army has been fostered by the Japanese as a means of organizing the Indians of Greater East Asia. In Malaya the League was the agency for recruiting the Indian Independence Army and the channel through which Japanese economic and social programs were directed to the resident Indians. For example, it took charge of settling Indian farmers in the newly developed agricultural colonies, raising funds for the war effort, and establishing Indian schools. The headquarters of the Indian Independence League which were formerly in Singapore were moved to Burma in January 1944 as a step in the avowed campaign to "liberate" India.

The Overseas Chinese Associations were organized before the war to keep emigrant Chinese in touch with things at home. The Japanese assumed control, however, and are using them to coordinate the activities of Chinese collaborationists and to integrate Chinese into the Japanese war program. Their organizations also serve as clearing agencies for the establishment of Chinese agricultural colonies and for the collection of funds for the year. In several instances the Associations have been directed by the

.../vi

Japanese authorities to nominate members for the so-called "advisory" councils or to provide personnel for the Neighborhood Association patrols.

A Malay Welfare Association was formed last December with the avowed aim of looking out for the interests of all Malays in Singapore. It was stated that all Malays residing in Shonan would automatically become members. About a month later it was announced that a "Badan Penerangan" or Enlightenment Section was formed to serve "as a medium through which advice and guidance in the most effective methods of cooperation with the authorities will be given." Prior to the Japanese invasion there existed a party made up entirely of Malays called the "Kasatuan Malayu Muda" (Malayan Young Men's League). Its sympathies were thoroughly pro-Japanese and during the invasion many of its members served the Japanese forces as spies and guides. The leader of this party is believed to be Haji Yacob, an ex-teacher of the Sultan Idris College, Tanjong Malim.

b. Educational Policy. Immediately following the Japanese invasion, all Malayan schools were closed and most of the buildings were used as barracks for Japanese soldiers. Gradually the vernacular schools, but not the English ones, were opened, beginning with the primary schools. The teachers received special instruction in the Japanese language, and it was reported that in the summer of 1943 many teachers were still being instructed during their vacations. Those who became proficient in the allotted time were retained and those who failed were probably replaced by specially trained substitutes. It is estimated that about half of the school period, especially for the first year or two, is confined to the study of Japanese. In addition, special Japanese language schools were founded for adults, and attendance became essential for many persons because of regulations restricting the use of non-Japanese languages for postal, telephone, telegraph, and other purposes. It was expected that by 1943 only Japanese newspapers would be published. These latter plans have not been successful, however, but the general education program seems to be making headway.

.../vii

MEROBAH DASAR PENGHIDUPAN

TAHUN baru yang kita hadapi sekarang, adalah tahun peperangan yang sudah dicadangkan oleh P.M. Tojo menjadi tahun kemenangan yang akhir dari peperangan ini. Tiap2 orang dari 1000 juta umat Asia Timur menyesuaikan kehidupan dan penghidupannya dengan kewajipan2 dan pekerjaan yang terkandung dalam cadangan chita-chita yang maha besar itu. Dia meminta persiapan tenaga yang sepenuhnya untuk menghadapi peperangan yang maha dahshat dan berhabis2an sekarang ini.

Demikianlah kewajipan yang mesti dijalankan oleh tiap2 umat kita. Kebiasaan kita yang suka memilih pekerjaan yang ringan2 asal dapat menutup keperluan hidupnya sehari2, haruslah dirobah dengan dasar hidup yang lebih giat dan bekerja kuat lagi, yang mendatangkan hasil yang lebih besar bagi peperangan sekarang ini. Dalam kenyataan baru yang dikeluarkan oleh Pemerintahan Balatentera Nippon di Malai, ada diterangkan bahwa tujuan politik Gunsei dalam tahun baru ini adalah terbahagi kepada 6 macham:

1. melipat gandakan pengiriman bahan2 peperangan ke Nippon
2. memperbanyak pengeluaran barang2 makanan
3. mengerahkan kaum buruh perempuan
4. menarik balik wang yang berlebihan, supaya harga wang jangan turun.
5. menguatkan susunan baru untuk saling menukar barang2 antara satu daerah dengan daerah yang lain, dan
6. menguatkan keamanan dan kesejahteraan.

Pemerintahan Nippon di Malay sudah menunjukkan langkah yang harus diturut oleh masing2 orang untuk merobah dasar penghidupannya. Untuk memperkuat tenaga peperangan, pemerintah sudah membenarkan berdirinya barisan Giyu Gun dan Giyu Tai (Askar Perkawalan), yaitu dua barisan untuk mempertahankan negeri ini. Tiap2 pemuda Melayu yang dalam tubuhnya sudah mengalir darah bukti dan berkorban untuk tahan air dan bangsanya, mestilah mendaftarkan nama memasuki salah satu dari barisan ini. Untuk berkhidmat kepada tanah air dan kerajaan, pemerintah membuka pula beberapa pekerjaan yang memberi kesempatan bagi bangsa kita akan mempersembahkan khidmat dan baktinya. Tiap2 laki2 yang kuat tubuh anggotanya, haruslah menerima pekerjaan2 yang sepadan dengan kekuatannya sedang pekerjaan mereka sekarang yang ringan2

.../viii

akan diserahkan kepada kaum buruh perempuan. Begitu juga, untuk memelihara keselamatan ekonomi dan memperbanyak penghasilan makanan, pemerintah sudah membuka beberapa banyak tanah2 baharu dan hutan simpanan yang tidak dikerjakan dizaman dahulu, supaya ditanami dan dijadikan kebun2. Pemukaan tanah Endau bagi kaum China dan Bahau bagi kaum Serani, menjadi bukti akan chita2 pemerintah itu.

Merobah dasar penghidupan, dari pekerjaan yang ringan dan bersenang lenang kepada pekerjaan yang berat yang sesuai dengan tenaga kaum laki2, daripada pekerjaan yang hanya untuk kepentingan diri sendiri kepada pekerjaan yang menguatkan tenaga peperangan dan membantu masharakat, adalah menjadi kewajiban atas diri tiap2 umat kita. Satu chemeti yang amat penting ada diebutkan dalam kenyataan yang resmi, bahwa kehidupan pemuda2 di Syonan masih banyak lagi yang suka ringan dan malas kerja, masih banyak berbuat pekerjaan yang mestinya diserahkan kepada orang2 yang sudah tua atau kepada perempuan.

Marilah kita berpendoman kepada 6 tujuan yang diterangkan oleh pehak Gonsel sebagai diatas. Obahlah dasar hidup yang lama yang hanya memikirkan diri sendiri dan selalu menchari pekerjaan yang ringan, dengan pekerjaan khidmat dan berkorban bagi masharakat dan kerajaan. Tinggalkan chara penghidupan yang lama, dan pilihlah pekerjaan satu dari 3 macham diatas:

1. masuk dalam Giyu Gun atau Giyu Tai
2. berkhidmat kepada masharakat dan kerajaan, dan
3. betani untuk memperbanyak penghasilan makanan.

Zaman senang lenang sudah habis. Sekarang adalah zaman berkhidmat dan berkobran.

Marilah beramai-ramai memasuki "Teater Pembela Tanah Air".

(Dokumen ini dipetik dari majalah Fajar Asia, Januari 1944, Singapura).

-*****-

.../DOKUMEN H

Majlis

8 Dec. 1945

Melayu Patut Sedar

Umat Melayu diseluruh semenanjung Tanah Melayu ini amnya dan di Selangor khasnya sudah sepatutnya mesti sedar dan kita percaya harus sudah pun sedar bahawa menurut kehendak aliran zaman sudah tamat Peperancangan Dunia yang Kedua ini corak dunia telah ubah kecorak warna demokrat. Hatta negeri Jepun yang selama ini berdasarkan otokrasi sejatinya itu pun akan turut menjadi sebuah negeri yang berdasarakan demokrat. Begitu juga semenanjung Tanah Melayu kita ini yang dahulunya berdasarkan birocratik akan menjadi demokratik juga yang mana boleh kita misalkan kepada pengertian bahawa sekira negeri-negeri Melayu ini dahulunya bercorak kuning maka pada masa ini dan masa hadapan adalah becorak merah muda yang boleh juga dimaknakan kepada pengertian bahawa dimasa dahulu orang-orang Melayu kita biasanya memandang kepada Rajanya dan orang-orang besar Rajanya sebagai penganjur atau pemimpin yang ma'shul tentang membela dan mempertahankan nasib dan hak bangsa Melayu tetapi dimasa akhir menurut aliran zaman demokrat ini, segala fikiran dan fahaman yang semaam itu pada sisi orang-orang Melayu hendaklah dibuang dan dhapuskan licin sama sekali. Pembesar-pembesar atau orang-orang Raja dan pada pehak kebangsaan dan politik sama saja tarafnya dengan orang-orang Melayu berkebanyakan dan mereka itu tidaklah akan dapat membela atau mempertahankan nasib bangsa Melayu dimasa hadapan.

Dimana yang telah lalu pun Raja-Raja dan orang-orang Bear Raka kita itu pun tidak beberapa benar mengambil berat atas hal muslihat kebangsaan kita. Oleh sebab itu sampailah masanya bagi umat-umat Melayu seumumnya di Semenanjung Tanah Melayu ini mengalah langkah membuang fahaman lama dan diganti dengan pergerakan baru dan fikiran yang waras yang baru dengan makna bahawa keselamatan nasib bangsa Melayu kita hendaklah dibela dan diertahankan dengan ikhtiar dan tenaga kita bersama. Sudah cukup kita berharap meletakan kepercayaan kita selama ini kepada Raja-Raja dan orang-orang Besar Raja kita. Tetapi malangnya bangsa Melayu kita air mata jatuh kedalam. Nasib bangsa Melayu manakah yang telah dibela dan dipertahankan oleh junjungan-junjungan dan orang-orang besar kita itu? Dimana adakah kedudukan bangsa Melayu pada masa ini? Ta'usah lah bertamah elok tetapi sebaliknya habis tahun berganti dengan zaman dari sehari kesehari semakin bertambah burok. Sekarang Kesatuan Malay akan tiba harus seakan membawa nasib bangsa Melayu semakin kebawah,

semakin terlanyak, semakin bertambah buok. Meskipun keburukan ini harus barang kali tiada mengurangi pensiun pembesar-pembesar kita. Tetapi pada pehak tertindasnya bangsa Melayu tetap akan terjadi sekiranya persamaan hak karakyataan diberi kepada bangsa-bangsa asing sepertimana yang disyaratkan dalam Kesatuan Malaya ini.

Ditelek kepad hal ini dan ditelek pula kepada peri kita tiada boleh berharap kepada Raja-Raja dan orang besar raja untuk membela dan mempertahankan nasib bangsa Melayu maka kita berpendapatan bahawa tiada ada suatu jalan yang lebih baik melainkan hendaklah kita umat Melayu semenanjung Tanah Melayu ini bersama tegak mendirikan atau menghidupkan semula persekutuan-persekutuan Melayu yang sudahpun sedia adanya dalam tiap-tiap sebuah negeri sebelum masa perang dahulu. Persekutuan ita itulah saja lagi diharap akan boleh membela dan mempertahankan keselamatan nasib bangsa Melayu dimasa yang akan datang. Oleh sebab itu kita bersuroh meminta supaya saudara-saudara kita dinegeri-negeri lain bersama menghidupkan semula persekutuan masing-masing yang memang sudah ada dimasa sebelum perang dahulu. Dengan hidupnya semula persekutuan-persekutuan Melayu dalam Malaya ini kita mesti mengadakan suatu gerakan besar dari wakil-wakil persekutuan Melayu seMalaya. Sinilah kita akan mengatur barisan benteng keselamatan kebangsaan kita dan disinilah kita akan mencari dan meletakan penganjur-penganjur kita yang sebenarnya.

.../iii

Majlis

4 Jan. 1846

Kesatuan Malaya - Malayan Union

**Surat-surat treaty yang tiada mendapat persetujuan
rakyat-rakyat tiada sah dan tiada halal**

Adat istiadat, hak mentabalkan Raja-raja atau Sultan-sultan:

Bahawasanya menurut adat daripada zaman berzaman bahawa tiap-tiap seorang Raja atau Sultan itu ialah dilantik dan ditabal oleh rakyat. Manakala mangkat seseorang Raja atau Sultan, bertanggunglah di atas rakyat bermuafakat, berhimpun, bermesyuarat mencari gantinya.

Manakala telah putus di dalam mesyuarat itu didapati mana-mana seorang yang layak sama ada dariapda waris-warisnya atau lainnya, lalau ditaballah menjadi Raja atau Sultan menggantikannya. Maka walaupun ada pusaka mempustaka, waris mewaris sekalipun tetapi di atas tiap-tiap satu itu bertanggung di atas rakyat juga bagi mempersetujui, mengesah atau sebaliknya.

Dan lagi atas dunia ini tiap-tiap seorang yang hendak dilantaik atau ditabal menjadi Raja atau Sultan itu ada bermacam-macam jenis adat resam kebangsaannya. Ada juga dat-adat lebih dahulu di kehendakki sign surat perjanjian tauliah atau sumpahan pusaka yang mewajibkan supaya taat setia menjalankan kewajipan tanggungan di atas rakyat dan negeri.

Hak-hak Raja dan Hak-hak Rakyat

Maka manakala telah sempurnalah adat istiadat mentabal seseorang menjadi Raja atau Sultan, seseorang yang menjadi Raja atau Sultan itu termasuklah ketangannya kekuasaan hak memerintah dan menghukum di atas negeri dan rakyat dengan jalan-jalan yang adil. Maka sekiranya pemerintahannya dan hukumannya tiada adil dan tiada suatu dengan kehendak negeri dan rakyat maka rakyat ada hak boleh pecat peraturan daripada rakhta dan diganti dengan yang lain.

Di ataa dunia beberapa banyak Raja-Raja, Sultan-sultan dipecat, diperturun daripada takhta da diganti denganyang lain. Di negeri Perak, orang-orang rakyat Melayu kita Perak telah pecat, perturun seorang Sultannya daripada takhta

.../iv

Kerajaan Perak, iaitu al-marhum Sultan Ismail dan ditabal al-marhum Sultan Abdullah menggantikannya. Sebarang musuh datang melanggar negeri, bertanggung di atas rakyat membuang nyawa melawan musuh kerana memelihara negeri dan hak-hak-haknya.

Tatkala demikian adalah harus mana seorang Raja atau Sultan yang hendak tandatangani mana-mana surat treaty menyerahkan hak-hak negeri dan rakyat kepada mana-mana pihak yang lain jika lebih dahulu tiada mendapat persetujuan dalam mesyuarat ramai oleh rakyat negerinya dan jika ada berlaku juga demikian itu sign dan diserahkan dengan tiada persetujuan rakyat negeri adakah surat-surat dan treaty itu boleh diakui sah?

Pengaran di dalam umat Islam (demokrat Islami) adalah pengajaran-pengajaran di dalam umat Islam manakala wafat nabi Muhammad s.w.t. berhimpun dan bermesyuaratlah kaum-kaum Islam memilih di dalam mesyuarat ramai nak melantik seorang gantian iaitu Kalifa. Iaitu manakala telah putus mesyuarat dilantik Sayiddina Abu Bakar. Begitu juga kemudiannya Sayiddina Osman, Umar dan Ali. Maka manakala hendak berperang menyurohlah Kalifa itu menghimpunkan sekalian kaum Islam itu bermesyuarah. Begitu juga jika ada apa-apa maksud bagi pendamaian atau apa-apa lain sebarang perkara berkenaan dengan hak-hak atau muslihat ramai.

Bermesyuarahlah kaum-kaum Islam itu berserta Kalifanya menjadi sebulat keputusan. Begitulah umat Islam memberi pengajaran dengan hak-hak dan muslihat am bagi kaum dan negeri. Maka sekarang sekiranya ada mana-mana treaty yang berkenaan dengan hak-hak negeri dan muslihat am yang disign serta oleh mana-mana Raja-raja atau Sultan dengan kehendak hatinya sendiri dengan tiada muafakat mengambil persetujuan suara ramai rakyat-rakyat negerinya itu adakah halal berbetulan seperti mana pengajaran umat Islam? Raja dan Sultan tiada berkuasa jika tiada dengan persetujuan rakyat. Telah diadatkan di England, Duli Yang Maha Besar Baginda Raja tiada berkuasa boleh sign apa-apa sebarang jenis surat-surat treaty dengan khasnya kuasa asing negeri dengan pandai dirinya sendiri jika lebih dahulu tiada mendapat persetujuan suara ramai dariapda orang-orang rakyat negerinya di England.

Maka sekarang dinegeri-negeri Melayu kita duduk di bawah naungan Kerajaan British maka apa-apa yang cadangan adat bagi Raja Kerajaan British itulah juga adat bagi Raja-Raja Kerajaan Melayu kita ini. Tatkala begitu, sekiranya ada mana treaty yang disign oleh Raja-Raja Melayu dengan pandai dirinya sendiri tiada menurut seperti mana adat yang tersebut ini, adakah surat-surat treaty itu boleh diakui sah? Nyata dan terang sekali tiada sah tambahan pula tiada ada mana-mana undang Tuboh Kerajaan negeri-negeri Melayu ini yang pemesyuaratkan membenarkan Raja-rajanya boleh membuat ikut suka hatinya yang demikian itu.

.../v

Kuasa ramai bagi negeri-negeri Melayu (demokrat Melayu) lagi pun negeri-negeri Melayu kita bukannya daripada di bawah kuasa tunggal atau kuasa bangsawan tetapi negeri-negeri Melayu kita duduk di bawah aturan kuasa ramai atau demokrasi. Maka apa-apa syarat ramai demokrasi peraturan kuasa kenalah diturunkan semula adat negeri-negeri dalam dunia zaman sekarang. Negeri yang bertamadun di Eropah atau orang-orang Capri (negro) di Afrika sekalipun tiada ada memberi hak pada Raja-rajanya boleh memperbuat surat treaty sembunyi diam-diam dengan pandai dirinya sahaja menjual hak-hak kaum, bangsa dan negerinya. Perbuatan yang melanggar adat ini tiada sah dan tiada halal.

.../vi

Majlis

14 Mei 1946

Raja Jadi Rakyat, Rakyat Jadi Raja

"Bukan Raja yang menuntut hak, melainkan Rakyat yang menuntut hak." Dato Onn, Johor Bharu.

Pada hari Sabtu pukul 3.25 petang di Istana Besar Sultan Johor di Johor Bharu, itulah harinya dimansuhkan Kongress Melayu yang tiga kali besidang. Pertama dan kedua di Kuala Lumpur dan ketiganya di Johor Bharu. Sejarah Kongress akan ditulis dengan tinta emas kerana dengan adanya Kongress itulah maka Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu lahir disisi bangsa Melayu. Dalam ucapan tatkala mansuhkan Kongress itu, maka Yang Berhormat Dato Onn, Pengerusi Kongress telah memberi ucapan yang bergembira sayu dan hiba. Di antara pati-pati ucapan itu ialah Kongress Melayu yang diadakan di Kuala Lumpur itu bukan saja merebak di Tanah Melayu tetapi ke seluruh dunia. Tubuhan Kongress itu telah tunjukkan kepada orang lain dan kepada kerajaan lain bahawa dalam tahun 1946 bangsa Melayu telah bersatu-bersatu tujuan menjaga hak dan faedah bangsa dan keselamatan tanah air. Kongress Melayu itu tinggi namanya bukan saja di pusat kerajaan British di London tetapi di seluruh dunia surat khabar-surat khabar yang besar di England, kata Dato Onn itu.

Dengan mansuhnya kongress dengan digantikan dengan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu diharap dan diminta persekutuan orang-orang Melayu tidak melemahkan semangat kerjanya, usahanya dan tujuannya, serta niat pada memajukan cita-cita bangsa Melayu. Kata Dato Onn meneruskan percakapannya. Menambah ucapan lagi katanya, "Saya percaya bangsa Melayu akan lebih kukuh, kuat cita-citanya jika setiap-tiap persekutuan membantu, menyokong berkerja dengan kuatnya kerana bangsa."

Menyeru supaya orang Melayu bertambah-tambah semangatnya maka Dato Onn telah berkata, "Ada dua tempat orang Melayu hendak bertindak, satu kepada jiran dan satu kepada musuh Melayu. Jangan kejar pangkat. Jangan kiranya hendak mengejar pangkat sahaja enggan membelakangkan bangsanya, kerana dengan malang saya bercakap iaitu di tanah Melayu ini ada orang yang rupa Melayu, berkulit Melayu dan segala-galanya Melayu tetapi dukacita disebutkan hatinya bukan hati Melayu. Menyebut perkara berkabung Dato Pengerusi telah menyebut iaitu dalam Kongress tergepar di Kuala Lumpur meminta sekalian orang Melayu berkabung kerana membantah Malayan Union tapi alangkah malangnya ada beberapa orang melayu yang tidak mengikut kerana kononnya segan kepada orang asing.

Tetapi mereka tidak segan kepada bangsanya sendiri." "Bertaubatlah," kata Dato Onn lagi, "jika belum ada perasaan kebangsaan dan tanah air supaya orang-orang itu berfikir panjang dan bertaubatlah. Masuklah semula dalam persatuan-perasatuan dan bersatulah. Saya berhadap dalam masa yang sedikit lagi jadi satu niat dan satu tujuan kerana itu mustahak menunjukkan perstuan yang padu bukan saja pesatuan antara raja dengan takyat tetapi dengan rakyat dan raja. Saya suka menyebutkan bahawa rakyat jadi raja dan raja menjadi rakyat. Tujuannya supaya dalam perkerjaan yang dijalankan berserta saya percaya raja di Tanah Melayu ini tidak lagi akan membelakangkan rakyat seperti dahulu. Tetapi hendaklah Raja-Raja itu ikhlas dan bertambah-tambah mengasehi rakyat. Saya tahu, kata Dato Onn itu, "ada bunyi pihak yang telah menyebelah pada Melayu hendak memberi tahu kepada dunia bahawa bantahan daripada kita itu bukan bantahan takyat tetapi raja. Kita nafikan itu kepada dunia. Yang menuntut hak bukannya raja melainkan rakyat." Tatkala menutup ucapannya itu Dato itu telah mengalu-alukan UNMO dan memberi selamat kepada Kongress. Hidup Melayu.

Majlis

14 Mei 1946

Raja Melucutkan Kuasa Kepada Rakyat

"Hendaklah England sedar bahawanya pada masa sebelum Perang dahulu Raja telah menerahkan kuasanya kepda rakyat, iaitu dengan jalan Majlis Mesyuarat. Kuasa bermaharaja lela itu sudah tidak ada lagi. Tetapi kuasa mesyuaratlah yang sbenar-benarnya ada yang bererti ialah kuasa rakyat," kata Dato onn Yang diPertua Pertubohan Kebangsaan Melayu Bersatu dipersidangan pertama pertubohan itu di Johor Bharu. Ucapan Dato itu ialah membayangkan perihal kuasa Raja-Raja terhadap negeri yang diketahuinya bagi Johor yang ianya ada menjadi seorang ahli Majlis Mesyuarat negeri itu. "Adapun orang-orang banyak yang ada di England hari ini tidalah mereka itu tahu dengan terangnya bagi mana keadaan semenanjung Tanah Melayu sebenarnya pada hari ini. Saya mengerti ini ialah daripada karangan-karangan disurat-surat khabar dan surat yang diberi kepada saya oleh orang Melayu di sana. Dan daripada orang-orang Inggeris ada perasaan yang digalakkan oleh kerajaan iaitu bantahan dari Raja-Raja Melayu itu mustahaklah di beri kenyataan kepada orang ramai di sana. Bahawa sebenarnya itu bantahan daripada orang ramai Melayu, Raja-Raja Melayu itu ialah Raja memerintah penuh kuasa dengan sebab itu hendak mendirikan kuasa itu Raja-Raja telah menunjukkan bantahan maharaja lea itu. England hendaklah sedar iaitu sebelum Perang, Raja telah menerahkan kuasanya kepada Majlis Mesyuarat, iaitu bagi Johor tatakala al-marhum Sultan Abu Bakar menyerahkan kuasa undang-undang dan melucutkan kuasa kepada rakyat dengan jalan Majlis mesyuarat. Dalam Negeri Sembilan diperintah oleh Undang. Pada hari ini bolehlah kita dapati dalam Semenanjung Tanah Melayu kehendak umat Melayu itulah yang utama. Raja disokong umat Melayu sungguhpun Raja itu dengan perbuatan telah mengikat diri sendiri adalah menunjukkan oang Melayu telah sedar.

Adalah raja-raja itu menjadi ikatan atau 'cement' mengikat dan menguatkan umat Melayu seluruhnya. Hanya hendak di ketahui belum ada kehendak umat Melayu hendak membuang terus raja-raja mereka. Jika sekiranya dapat kita terangkan serta memberi faham kepada penduduk-penduduk England dan kepada tiap-tiap seorang ahli Mesyuarat sama ada ahli bagi Majlis Mesyuarat Orang Ramai atau Majlis Mesyuarat Pertuanan Kerajaan British, maka haruslah tuntutan Melayu itu mendapat sokongan dariapda mereka sendiri. Inilah perkara di antara beberapa perkara yang mustahak dan wajib dijalankan oleh Pertubohan Kebangsaan Melayu kerana hendak membentangkan dengan sejelas-jelasnya akan hal-hal itu di England. Tuntutan-tuntutan kita orang Melayu tidaklah boleh dibuat

.../ix

dengan kawat atau dengan surat sahaja tetapi mesti wakil-wakil kita sendiri terangkan dari hal itu..." Sekian di atara keterangan Yang diPertua itu tatkala membayangkan bagaimana mustahaknya dihantarnya wakil-wakil itu ke London.

.../x

Majlis

24 Nov 1945

**SULTAN-SULTAN MALAYA DENGAN RAKYAT NYA. Pesanan
berjimatlah sebelum apa-apa diperbuat. Wahai, Kaumku
Melayu, ingatlah persetiaan Demang Lebar Daun dengan
Sang Supatha demikian bunyinya**

Adapun Tuanku segala anak cucu patek sedia akan jadi hamba kebawah Duli Yang Di Pertuan, hendaklah diperbaiki oleh anak cucu Duli Tuanku dan jika ia berdosa sebesar-besarnya dosanya sekalipun jangan dinasta dengan kata-kata yang jahat. Jikalau besar dosanya dibunuh itupun jika berlaku pada hukum syariat.

Wa'ad itu masih termetri dihati segala anak-anak Melayu semasa ini dan sentiasa lah taat kepada Sultan-Sultan masing-masing kerana Sultan-Sultan itu cucu Sang Suparba. Kita anak-anak Melayu hendaklah beringat pula perkataan Demang Lebar Daun itu dialasnya demikian bunyinya: Tetapi jikalau anak cucu Tuanku dahulu mengubah dia maka anak cucu patek pun mengubankanlah.

Pendeknya dari zaman berzaman rakyat menyerahkan diri kerana mereka percaya bahawa sultan-sultan itu kasih sayang kepada rakyatnya Melayu. Maka berapa tahun dahulu sultan-sultan itu telah membuat beberapa perjanjian atau treaty dengan Kerajaan British dengn tujuan untuk mengelokan negeri dan anak-anak negeri bangsa Melayu.

Pada masa itu adalah kita boleh dikatakan dalam kebodohan lagi dan tak tahu hal ehawal dunia itu. Adalah maksud treaty itu dibuat ialah supaya kuasa-kuasa sultan-sultan lebih teguh dan tetap dengan mengharapkan supaya Kerajaan Melayu itu bernaung dibawah kuasa kerajaan Inggeris yang kuat. Dalam pada itu oleh sebab kita mashur atas keamanan dan kekayaan Tanah Melayu kita ini dan murah hati pula sultan-sultan kita, maka mencurahlah bangsa-bangsa lain seperti Cina, Keling dan lain-lain bangsa datang kemari kerana mencari kehidupan sehingga mereka menjadi kaya-kaya dan tidak ingat lagi hendak pulang ke tanah airnya sendiri. Fikirlah dengan seharusnya, siapakah memanggil mereka datang kemari? Maka dengan kehendak Tuhan menjadi pelajaran dan menjadi peringatan kepada kita semua berkuasalah pula Jepun di Tanah Melayu ini selama tiga setengah tahun lebu kurang. Maka dalam masa itu tak payahlah disebutkan untung nasib Melayu dan bagaimana pergerakan Keling dan Cina sehingga anaknaik bendera negeri-negeri kita sampai balik semula Kerajaan British kemari.

.../xi

Fikirlah. Pada hari ini Melayu dibawah tadbir Tentera Kerajaan British dan semangat Melayu belum pulih semula bekas diharu oleh Jepun dan Cina tambahan pula badan belum sehat betul sebab lama makan ubi yang demikian tak dapat tiada fikiran pun belum tepat. Maka dalam masa yang kalam kabut dan simpang perenang ini wakil Kerajaan British atau wakil yang Maha Mulia lagi Maha Besar Baginda pun sampai ke Tanah Melayu kerana berunding dengan sultan-sultan hendak menjadikan Malayan Union dan hendak mengubah treaty-treaty lama. Saya yang bodoh terfikir begini: mengapa dalam masa yang kalam kabut ini hendak diubah treaty-treaty itu? Mengapa berunding dengan sultan sahaja? Bukanlah lebih elok jika dipentingkan civil government. Esok baru dibuat treaty-treaty itu. Dan peluang sultan-sultan bertanya fikiran rakyatnya ataupun seperti kata budak-budak belit dua puluh enamkah atau masak daun? Ampun Tuanku. Rakyat-rakyat Tuanku dengan berkat Duli Tuanku pada masa ini bolehlah dikatakan sudah celek matanya dan setengah daripada setengah ada yang boleh dibawa berunding. Titahkanlah sahaja. Pantang anak Melayu melalui titah atau derhaka. Rakyat negeri sedia taat dan sedia hendak naikan pangkat dan kuasa sultan-sultannya.

Gayanya Malayan Union yang diagak-agak itu sungguhpun zahirnya meramaikan rakyat sultan-sultan tetapi saya seorang daripadanya percaya bahawa rakyat-rakyat Tuanku yang baharu itu yakni rakyat yang bukan Melayu tentu sekali mereka tidak setia seperti Persumpahan nenek moyang kita yang terbuat tadi. Ditamatkan dengan rangkapan syair untuk peringatan:

AMPUN TUANKU DULI MAHKOTA
FIKIRLAH KEPADA RAKYAT JELATA
TREATY DIBAHARUI ELOK SEKATA
SUPAYA TIDAK PUTIH MATA

JIKA LEBIH MEMANDANG DUNIA
RAKYAT KELAK TERANIAYA
TUANKU SEMAYAM DIATAS BAHAGIA
HILANG KELAK TAAT DAN SETIA

HARIMAU TERJUMLAH BINATANG TERGAGAH
KERANA KUKU ADA BER CERANGGAH
HILANG KUKU TIDAK SEMANGGA
BELANG SAHAJA TIDAKAAN MEGAH

PATEK SEMUA MENUNGGU RAHMAT
MENGUBAH TREATY BIARLAH CERMAT
SIASAT SELIDIK DENGAN JIMAT
SUPAYA RAKYAT JADI SELAMAT.

-ooo000ooo-